

KENYATAAN MEDIA

KOMEN BAJET 2019

MENTERI KERJA RAYA, YB TUAN BARU BIAN

Bajet 2019 yang bertemakan “Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera”, akan menumpukan kepada tiga fokus dengan 12 strategi utama bagi mengembalikan kedudukan ekonomi Malaysia sebagai Harimau Asia.

Dalam bajet yang dibentangkan pada petang ini, tumpuan masih diberikan bagi usaha pembangunan infrastruktur negara. Bagi Bajet Pembangunan P.27 tahun 2019, agihan bajet meningkat berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak RM6.115 bilion berbanding sebelum ini sebanyak RM3.763 bilion.

Peningkatan ini melibatkan fokus berterusan Kerajaan terhadap Projek Lebuhraya Pan Borneo iaitu pengkhususan sebanyak RM1 bilion untuk setiap negeri (Sarawak dan Sabah), projek Central Spine Road termasuk Jalan Kota Bharu-Kuala Krai (anggaran RM600 juta); Bantuan Mudah Kerajaan untuk membiayai 6 projek lebuhraya yang sedang dalam peringkat pembinaan (RM1 bilion); dan bakinya untuk membiayai 208 bilangan projek sambungan yang sedang berjalan di samping membiayai permulaan bagi beberapa projek-projek baharu. KKR berterima kasih atas ketetapan bahawa Kerajaan akan meneruskan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak tertakluk kepada rasionalisasi kos yang terlibat.

Bajet Mengurus B.27 tahun 2019 Kementerian Kerja Raya (KKR) pula menerima agihan bajet yang berkurangan daripada tahun 2018 iaitu sebanyak RM1.048 bilion berbanding tahun lepas sebanyak RM2.004 bilion.

Antara perkara yang terkandung dalam Bajet Mengurus KKR yang bakal menerima kesan pengurangan ini adalah peruntukan bagi Penyelenggaraan Jalanraya Persekutuan.

Walau bagaimanapun Kementerian Kerja Raya percaya, peruntukan untuk maksud penyelenggaraan jalan persekutuan akan diterima berasingan iaitu melalui maksud peruntukan mengurus B11 - Kementerian Kewangan.

Untuk penyelenggaraan jalan, keperluan bagi tahun 2019 ialah sebanyak RM2.4 bilion bagi menyelenggara 17,500km panjang keseluruhan jalan persekutuan di seluruh negara. Namun, Bajet 2019 memperlihatkan agihan bajet untuk penyelenggaraan Jalanraya Persekutuan dikurangkan daripada RM400 juta kepada RM100 juta (pengurangan RM300 juta). Untuk rekod, tahun ini 2018 peruntukan penyelenggaraan yang diperoleh keseluruhannya ialah RM820 juta sahaja (merangkumi peruntukan rutin dan juga berkala).

Sudah pasti berita memansuhkan kutipan tol motorsikal di Jambatan Pulau Pinang Pertama dan Kedua serta Johor – Singapura (LINKEDUA) disambut baik oleh rakyat Malaysia dan Kementerian. Ini dapat mengurangkan kesesakan di Tambak Johor dan Pulau Pinang.

Kerajaan juga akan membekukan kenaikan bayaran tol di semua lebuh raya dalam bandar pada tahun 2019 yang melibatkan implikasi kewangan yang dianggarkan sebanyak RM700 juta dan penangguhan ini disambut baik oleh rakyat Malaysia kerana ia secara tidak langsung akan mengurangkan kadar kos sara hidup.

YB TUAN BARU BIAN

2 NOVEMBER 2018

2/2

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my